

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Kit.32 (73)
Tarikh : 10 Oktober 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM LAPOR
BERTARIKH 10 OKTOBER 2014, JUMAAT – M.S: 25 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **YUYU2859 [IMB90161]** agar masalah kewarganegaraan dapat diselesaikan.

3. Untuk makluman, memenuhi kesemua syarat – syarat seperti telah bermastautin lama di Malaysia dan mempunyai pengetahuan bahasa melayu yang memadai serta berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang - undang sebagaimana yang ditetapkan pada Perlembagaan Persekutuan adalah hanya bagi melayakkan sesuatu permohonan tersebut dikemukakan. Keputusan untuk meluluskan permohonan tersebut adalah berdasarkan budi bicara dan hak mutlak kerajaan. Sebarang keputusan ke atas permohonan kewarganegaraan tidak wajar dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)